

# Kesatuan guru sokong pelantikan Musa Mohamad

KUALA LUMPUR 11 Dis. Kesatuan-kesatuan guru hari ini berpendapat pelantikan bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Tan Sri Musa Mohamad sebagai Menteri Pendidikan adalah langkah tepat bagi memastikan kementerian itu dipimpin oleh tokoh berwibawa.

Presiden Kesatuan Guru Malaysia Barat (KGMB), Dr. Rahman Daud berkata, Kementerian Pendidikan merupakan sebuah kementerian yang besar melibatkan pendidikan peringkat rendah hingga ke universiti.

Oleh itu, katanya, ia memerlukan seorang pemimpin yang mahir tentang selok-belok sistem pendidikan di negara ini.

"Pelantikan ini kena pada tempatnya kerana kementerian ini perlukan orang yang betul-betul memahami struktur yang ada," katanya di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam menamakan Musa, 53, sebagai Menteri Pendidikan yang baru menggantikan Datuk Seri Najib Tun Razak yang berpindah ke Kementerian Pertahanan.

Musa akan mengangkat sumpah sebagai senator Isnin ini bagi membolehkannya dilantik menganggotai kabinet.

Di Kuching, Kesatuan Guru-Guru Sarawak (STU) menyambut baik pelantikan Musa yang disifatkan satu kejutan menarik kepada negara.

Presidennya, William Ghani Bina berkata, sebagai seorang yang berpengalaman luas dalam dunia pendidikan, pemilihan Musa bagi menerajui kementerian itu adalah sesuai dan tepat. "Saya yakin Dr. Mahathir telah membuat penelitian yang mendalam-dalamnya berhubung pelantikan ini.

## Diamanahkan

"Kita percaya Musa akan dapat menjalankan tugas yang diamanahkan kepadanya dengan sebaik mungkin dan memastikan dasar-dasar pendidikan negara akan terus mencapai kejayaan yang membanggakan," katanya ketika dihubungi di pejabatnya, di sini hari ini.

Menurut William Ghani, STU akan memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada Menteri Pendidikan yang baru itu bagi melicinkan lagi pelaksanaan dasar-dasar pendidikan negara.

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) mahu Menteri Pendidikan yang baru, Tan Sri Musa Mohamad lebih prihatin terhadap suara pelajar dan tenaga pendidik dengan melaksanakan dasar-dasar pendidikan yang menjurus kepada kepentingan mereka.

Presiden MPP Universiti Malaya (UM), Burhan Che Daud berkata, berdasarkan latar belakangnya sebagai tenaga pendidik selama ini diyakini beliau bersedia mendampingi kedua-dua golongan itu untuk mendengar masalah dan pandangan mereka.

"Pelantikan ini yang pertama dalam sejarah pendidikan negara amat dialu-alukadoleh mahasiswa.

"Sebagai ahli akademik pertama yang dilantik menerajui Kementerian Pendidikan, diharapkan beliau dapat lebih menjiwai keperluan dan rintihan mahasiswa," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Burhan turut membayangkan kemungkinan peneraju baru kementerian itu akan mengkaji semula dasar-dasar yang menimbulkan kontroversi sehingga kini seperti program pengkorporatan universiti dan kekangan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

Beliau yang diminta mengulas mengenai kemasukan dua ahli akademik iaitu Musa dan bekas pensyarah UM, Datuk Mahadzir Mohd. Khir ke dalam kementerian tersebut, berkata:

"Perkembangan pelajar selepas ini juga, diharap tidak sekadar menjurus di bidang akademik sahaja malah kepimpinan yang ditunjukkan mereka dan penyertaan dalam kokurikulum."

Walaupun tidak mahu menuding jari kepada kepimpinan lama, Burhan menggariskan faktor bermacam-macam perubahan yang diperkenalkan dalam kementerian itu sebelum ini menimbulkan keadaan tidak selesa dan tekanan kepada guru dan pelajar.

"Kita berharap dengan susunan baru kementerian ini, keputusan politik dapat diketepikan daripada sistem pendidikan negara," katanya.